



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

2 – 4 MEI 2026 (SABTU - ISNIN)

DBKU Giat Perangi Rabies Melalui Program Bersepadu Di Sungai Maong			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Sarawak	Wilayah	Dalam Talian	3 Mei



AHLI Dewan DBKU, Sih Hua Tong bergambar bersama salah seorang pemilik anjing yang menyertai program hari ini. Foto DBKU.

KUCHING: Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) terus mempergiat usaha membendung penularan rabies menerusi pelaksanaan Program Vaksinasi Anti-Rabies, Pelesenan dan Pemasangan Mikrochip yang diadakan di Market Sungai Maong, hari ini.

Program bersepadu itu merupakan kerjasama strategik antara pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS) bagi mencegah jangkitan

dalam kalangan haiwan peliharaan serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab sebagai pemilik anjing.

Inisiatif berkenaan berteraskan pendekatan One Health yang menggabungkan aspek kesihatan haiwan dan manusia, sekali gus memperkukuh keselamatan komuniti secara menyeluruh.

Melalui pelaksanaan program tersebut, sebanyak 100 ekor

anjing disasarkan menerima suntikan vaksin anti-rabies, selain pendaftaran lesen pemilikan serta pemasangan mikrocip secara percuma bagi memudahkan pematuhan terhadap peraturan sedia ada.

Vaksinasi anti-rabies adalah diwajibkan di bawah Perintah Kawalan Penyakit (Rabies) selaras dengan Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 dan perlu dilaksanakan setiap tahun bagi mewujudkan imuniti kelompok serta mengurangkan risiko jangkitan zoonotik kepada manusia.

Seiring perkembangan semasa, Sarawak turut melaksanakan program rintis Oral Rabies Vaccination (ORV) bermula April 2026 yang menyasarkan anjing liar atau sukar ditangkap, di samping meneruskan vaksinasi konvensional melalui klinik veterinar dan program komuniti.

ANTARA gambar yang menunjukkan penglibatan menggalakkan daripada masyarakat setempat. Foto DBKU.

Sementara itu, di bawah Local Authorities (Dog Licensing and Control) By-Laws 2018, pemilikan anjing wajib dilesenkan dengan had maksimum tiga ekor bagi

setiap kediaman, dan kegagalan mematuhi peraturan boleh dikenakan denda sehingga RM5,000.

Dalam perkembangan sama, pemasangan mikrocip sebagai pengenalan kekal haiwan peliharaan dilihat mampu mempercepat pengesanan pemilik, sekali gus meningkatkan kebertanggungjawaban serta menyokong usaha mewujudkan komuniti bebas rabies.

Sepanjang program berlangsung, sebanyak 158 ekor anjing telah dilesenkan, 228 divaksin dan 158 dipasang mikrocip, mencerminkan sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat.

Program tersebut dirasmikan oleh Ahli Dewan DBKU, Sih Hua Tong, serta turut dihadiri Timbalan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komuniti DBKU, Rudzaimeir Malek dan Pegawai Veterinar Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak, Dr Ainul Riza Abu Seman.-[UTUSANSARAWAK](#)

KKM Tubuh Pasukan Petugas Khas Tangani Isu Kekurangan Doktor Di Sabah, Sarawak			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Mutakhir	Dalam Talian	2 Mei



DZULKEFLY Ahmad (dua dari kiri) menandatangani buku pelawat ketika melawat bangunan Wellness Hub di Sandakan, hari ini. FOTO Poliana Ronnie Sidom

Sandakan: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah menubuhkan pasukan petugas khas antara kementerian bagi meneliti isu kekurangan doktor, pakar, penambahbaikan insentif dan laluan kerjaya dalam sektor kesihatan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata isu kekurangan doktor di Sabah, Sarawak dan seluruh negara kekal menjadi cabaran besar yang memerlukan pendekatan menyeluruh

merentas kementerian serta agensi kerajaan.

Katanya, masalah kekurangan dan agihan tidak seimbang itu tidak boleh diselesaikan oleh KKM semata-mata, sebaliknya memerlukan kerjasama pelbagai pihak termasuk Kementerian Pengajian Tinggi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan.

"Di Sabah, KKM sudah mengambil beberapa

langkah termasuk meningkatkan penempatan doktor muda. Di Sandakan misalnya, kita ada 42 pegawai perubatan siswazah baharu ditempatkan di Hospital Duchess of Kent dan 70 peratus daripadanya adalah anak Sabah.

"Saya mahu lihat usaha ini terus diperluaskan kerana kita tahu cabaran untuk menarik pegawai perubatan bertugas di Sabah adalah agak besar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Wellness Hub Sandakan, di sini, hari ini.

Sebelum ini, Menteri Wanita, Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, Datuk Julita Majungki, berkata berdasarkan data JKNS, hanya 2,884 doktor kini berkhidmat di negeri ini, sedangkan keperluan dianggarkan mencecah sekitar 9,000 orang.

Dzulkefly berkata, dalam masa yang sama, KKM turut memperkukuh laluan latihan kepakaran selain program sarjana tempatan bagi meningkatkan bekalan doktor pakar negara.

Katanya, beliau juga mahu penawaran jawatan tetap kepada doktor kontrak diteruskan selepas tahun ini, khususnya bagi mereka yang komited berkhidmat di negeri ini dan kawasan

memerlukan.

Dalam perkembangan lain, Dzulkefly berkata, sejumlah 357 kes jangkitan malaria monyet direkodkan setakat Minggu Epidemiologi ke-16 termasuk satu kes kematian dengan kawasan utama penyumbang adalah Tawau, Ranau dan Kudat.

Katanya, peningkatan itu dilihat semakin serius dan memerlukan kerjasama menyeluruh antara KKM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta agensi lain termasuk Jabatan Hidupan Liar bagi menangani penularan.

"Kita memerlukan sistem pengurusan persekitaran bagi mengurangkan interaksi antara manusia dan haiwan. Kepentingan pengurusan sisa pepejal yang lebih baik amat penting bagi mengelak haiwan ini tertarik ke kawasan penempatan manusia.

"Semua klinik kesihatan dan hospital di bawah KKM mempunyai keupayaan untuk mengesan malaria monyet serta memberi rawatan segera sebagai langkah utama mengawal penularan," katanya.-

[HARIANMETRO](#)

RISDA Perkasa Ekosistem Ternakan Negara

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	Dalam Talian	2 Mei



Pemeriksaan di premis berkenaan menemukan sejumlah karkas daging babi sejuk beku yang memiliki dokumen penyembelihan meragukan.

SHAH ALAM - Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) terus memperkasa ekosistem ternakan menerusi perluasan peranan dalam sektor agromakanan negara.

Langkah memperkukuh rantai bekalan tempatan itu selari aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) sekali gus membuktikan pembangunan pekebun kecil tidak terhad kepada komoditi getah, malah merangkumi peluang ekonomi melalui integrasi

ternakan dalam kawasan ladang.

Pengerusi RISDA, Manndzri Nasib berkata, usaha agensi memperkukuh industri ternakan negara mengambil kira kepada keperluan semasa bekalan daging tempatan yang terhad.

Ujarnya, keadaan itu membuka ruang kepada syarikatnya, RISDA Livestock Sdn Bhd (RLSB) memainkan peranan dalam memperluas kapasiti pengeluaran domestik, mengurangkan

kebergantungan import dan menyokong agenda keterjaminan makanan negara.

“Bagi memperkemas operasi hulu, RLSB menerima tawaran Program Pengganda 30 di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

“Program nasional ini melibatkan 4,000 ekor induk lembu betina bunting dan 400 ekor pejantan dengan nilai sekitar RM64.1 juta.

“Ladang RISDA Keratong dipilih sebagai lokasi penerimaan kumpulan pertama, melibatkan 500 ekor lembu betina bunting dan 50 ekor pejantan yang dijadual tiba dari Australia pada Ogos tahun ini,” katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Menurut Manndzri, pengukuhan operasi hulu itu juga dilengkapi strategi pemasaran melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara RLSB dan DAEM Sdn Bhd.

“RLSB diwakili Ketua Pegawai Operasi, Erwan Arshad, manakala DAEM diwakili Pengarah Pemasarannya, Muhd Alif Muhd Satar, yang juga selebriti tanah air.

“Kerjasama ini turut memberi penekanan kepada kesinambungan bekalan dan

standard kualiti ternakan.

“Penghantaran akan dilaksanakan secara berkala bagi memastikan kelangsungan stok, manakala semua ternakan perlu memenuhi spesifikasi kualiti dan gred yang dipersetujui bersama,” ujarnya.

Kata Manndzri, inisiatif berkenaan mencerminkan kesungguhan RISDA tampil sebagai pemain penting dalam industri ternakan negara, memperkukuh keterjaminan makanan, membuka peluang ekonomi desa dan membina ekosistem bekalan makanan yang lebih berdaya tahan.

“Dengan kekuatan operasi hulu, sokongan teknikal Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan kerjasama pemasaran DAEM, RLSB berupaya memacu transformasi ternakan tempatan, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan pekebun kecil dan pemerikasaan ekonomi desa.

“Seiring dengan perkembangan ini, RLSB turut menyatakan komitmen untuk menyediakan perkhidmatan jualan dan tempahan ternakan kepada semua pihak yang berminat mendapatkan bekalan secara terus daripada syarikat

tersebut," kata beliau.-
SINARHARIAN

Dua Kes Baharu Positif Rabies Di Sarawak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	2 Mei



GAMBAR hiasan

Kuching: Dua kes baharu positif rabies direkodkan di Kuching, menjadikan jumlah kumulatif positif rabies meningkat kepada 14 kes yang dikesan di Sarawak tahun ini.

Kes terbaharu itu dikesan menerusi 41 sampel haiwan peliharaan yang diuji bagi tempoh 27 April hingga 1 Mei.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS), dalam kenyataan di Facebook memaklumkan satu kes di Sungai Tengah Kolong 2, membabitkan

anjing peliharaan yang dilepas bebas.

Satu kes lagi dikesan di Kampung Sungai Atas Singai, Bau, iaitu kes gigitan anjing peliharaan yang juga dilepas bebas.

Menurut kenyataan itu lagi, anjing peliharaan yang dilepas bebas berisiko dijangkiti wabak itu sekali gus berpotensi menjangkiti haiwan lain seterusnya mengancam keselamatan manusia.

Justeru, pemilik anjing

disaran mendapatkan vaksinasi untuk haiwan peliharaan mereka secara berkala dan tidak dibiarkan berkeliaran.

Pegawai Veterinar JPVS, Dr Ainul Riza Abu Seman berkata, pihaknya sentiasa mengadakan program vaksinasi secara percuma bagi menggalakkan lebih ramai memvaksin haiwan peliharaan mereka.

"Program vaksinasi anjing dapat memutuskan rantai jangkitan, sebab itu kami mengadakan program setiap bulan di mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan," katanya ketika ditemui Program Vaksinasi Anti Rabies, Pelesenan dan Pemasangan Mikrocip di Pasar Sungai Maong, di sini, hari ini.

Dr Ainul berkata, kesedaran orang ramai kini semakin tinggi berikutan peningkatan jumlah pemilik haiwan mendapatkan vaksin pada setiap program yang dijalankan JPVS.

"Peningkatan kesedaran dan rasa tanggungjawab dapat lindungi nyawa, seterusnya capai komuniti bebas rabies," katanya.

Untuk rekod, sejak wabak rabies diisytiharkan pada Julai 2017 sebanyak 93 kes jangkitan kepada manusia

direkodkan di Sarawak dengan 86 daripadanya maut.

Hanya tujuh pesakit dilaporkan terselamat, namun kebanyakannya mengalami komplikasi neurologi.

Sehingga April tahun ini sahaja, sebanyak tiga kematian direkodkan di Sarawak.-[MYMETRO](#)

2 Kes Baharu Rabies Di Sarawak			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Mutakhir	Dalam Talian	2 Mei



GAMBAR hiasan

KUCHING: Dua kes baharu rabies direkodkan di Kuching, menjadikan jumlah kumulatif positif rabies meningkat kepada 14 kes yang dikesan di Sarawak tahun ini.

Kes terbaharu itu dikesan menerusi 41 sampel haiwan peliharaan yang diuji bagi tempoh 27 April hingga 1 Mei.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sarawak, dalam kenyataan di Facebook memaklumkan, satu kes di Sungai Tengah Kolong 2, membabitkan

anjing peliharaan yang dilepas bebas.

Satu kes lagi dikesan di Kampung Sungai Atas Singai, Bau, iaitu kes gigitan anjing peliharaan yang juga dilepas bebas.

Menurut kenyataan itu lagi, anjing peliharaan yang dilepas bebas berisiko dijangkiti wabak itu sekali gus berpotensi menjangkiti haiwan lain seterusnya mengancam keselamatan manusia.

Justeru, pemilik anjing

disaran mendapatkan vaksinasi untuk haiwan peliharaan mereka secara berkala dan tidak dibiarkan berkeliaran.

Pegawai Veterinar DVS Sarawak, Dr Ainul Riza Abu Seman berkata, pihaknya sentiasa mengadakan program vaksinasi secara percuma bagi menggalakkan lebih ramai memvaksin haiwan peliharaan mereka.

“Program vaksinasi anjing dapat memutuskan rantai jangkitan, sebab itu kami mengadakan program setiap bulan di mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan,” katanya ketika ditemui Program Vaksinasi Anti Rabies, Pelesenan dan Pemasangan Mikrocip di Pasar Sungai Maong, di sini, hari ini.

Dr Ainul berkata, kesedaran orang ramai kini semakin tinggi berikutan peningkatan jumlah pemilik haiwan mendapatkan vaksin pada setiap program yang dijalankan JPVS.

“Peningkatan kesedaran dan rasa tanggungjawab dapat lindungi nyawa, seterusnya capai komuniti bebas rabies,” katanya.

Untuk rekod, sejak wabak rabies diisytiharkan pada Julai 2017 sebanyak 93 kes jangkitan kepada manusia

direkodkan di Sarawak dengan 86 daripadanya maut.

Hanya tujuh pesakit dilaporkan terselamat, namun kebanyakannya mengalami komplikasi neurologi.

Sehingga April tahun ini sahaja, sebanyak tiga kematian direkodkan di Sarawak.-[BULETINTV3](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR